



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
 Kertas Projek (**EKSEKUTIF**)
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 23.....(hari bulan) 01..... (bulan) 2016

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURSYUHAOA BINTI BUJANG M 20131000204 **FAKULTI PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN
MANUSIA (SILA**
 NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI dengan ini mengaku bahawa
 disertasi/tesis yang bertajuk KEPELIBAGAIAN GAYA PEMBELAJARAN PELAJAR
TINGKATAN EMPAT DI SEKOLAH MENENGAH REBANGSAAN AGAMA
MATANG 2, KUCHING, SARAWAK.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
 hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
 maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
 daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
 dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini
 mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
 Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
 _____ (SLA NYATAKAN NAMA
 IJAZAH).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iii

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah Sarjana Sosiologi Pendidikan, Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak kerana bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang pengajian berlangsung sehingga siapnya kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada putera dan puteri Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2, Kuching yang sudi meluangkan masa dan memberikan kerjasama dalam membantu menyiapkan kajian ini.

Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada seluruh warga Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, warga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan kajian ini. Tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak, kajian dan laporan projek ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KEPELBAGAIAN GAYA PEMBELAJARAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA MATANG 2, KUCHING
SARAWAK.

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah. Kajian ini melibatkan seramai 92 orang responden di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2, Kuching, yang terdiri daripada 34 orang lelaki dan 58 orang perempuan. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrument soal selidik dengan skala lima mata bagi mengukur Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Kinestetik, Kecekatan Tangan, Bersendirian dan gaya pembelajaran Berkumpulan. Dapatan kajian mendapati kategori Auditori (min 4.19, SP=0.69) adalah gaya pembelajaran paling dominan diamalkan oleh responden kajian. Kategori yang kedua adalah kategori kinestetik (min 4.13, SP=0.72), diikuti ketiga ialah kategori berkumpulan (min 4.05, SP=0.92), keempat ialah kategori kecekatan tangan (3.95, SP=0.82), kelima kategori visual (3.89 SP=0.84) dan keenam oleh kategori bersendirian (3.59 SP=0.98). Disamping itu, dikemukakan juga cadangan kajian untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

VARIETY OF LEARNING STYLE FORM FOUR STUDENTS IN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA MATANG 2, KUCHING SARAWAK.

ABSTRACT

The study examines the diversity of learning styles form four students in a secondary school. This study involved 92 students in SMK Agama Matang 2, Kuching, consisting of 34 male and 58 female. This research is descriptive and using survey instrument with a five point scale to measure the Learning Style Visual, Auditory, Kinaesthetic, Hand Dexterity, Alone and learning styles Solitary Group. The study found Auditory category (mean 4.19, SD=0.69) is the most dominant learning style practiced by the respondents. The second category is the category Kinaesthetic (mean 4.13, SD=0.72), third was the category Solitary Group (mean 4.05, SD=0.92), fourth Hand Dexterity category (3.95, SD=0.82), the fifth category of Visual (3.89, SD=0.84) and sixth by category Alone (3.59, SD=0.98). Finally, several recommendations were given to enhance students teaching and learning effectiveness.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI CARTA	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Persoalan Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.8 Definisi Istilah dan Konsep	7
1.9 Skop dan Batasan Kajian	8
1.10 Kesimpulan	9

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	10
----------------	----





2.2 Gaya Pembelajaran	11
2.3 Kajian Lepas Kepelbagaian Gaya Pembelajaran	17
2.4 Kajian Lepas Masalah Pembelajaran Pelajar	21
2.5 Pengajaran Guru	22
2.6 Kajian Lepas Minat	23
2.7 Kemudahan Pembelajaran	24
2.8 Kajian Lepas Beban Tugas Pembelajaran	25
2.9 Kajian Lepas Pencapaian Akademik	25
2.10 Kajian Lepas Teori Konflik	26
2.11 Kesimpulan	27

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	29
3.2 Reka Bentuk Kajian	30
3.3 Populasi Kajian	30
3.4 Tempat Kajian	31
3.5 Instrumen Kajian	32
3.6 Prosedur Kajian	34
3.7 Kaedah Penganalisisan Data	35
3.8 Kesimpulan	36

BAB 4**DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	37
4.2 Analisis Dapatan Faktor Demografi Responden	38





4.3 Analisis Dapatan Kajian	40
4.3.1.1 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar	40
Bagi Kategori Visual	
4.3.1.2 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar	42
Bagi Kategori Auditori	
4.3.1.3 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar	43
Bagi Kategori Kinestetik	
4.3.1.4 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar	44
Bagi Kategori Kecekatan Tangan	
4.3.1.5 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar	46
Bagi Kategori Berkumpulan	
4.3.1.6 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar	47
Bagi Kategori Bersendirian	
4.4 Kesimpulan	50

**BAB 5****RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	52
5.2 Rumusan Kajian	52
5.3 Perbincangan Kajian	53
5.4 Cadangan Kajian	54
5.5 Cadangan Lanjutan	56
5.6 Kesimpulan	57

RUJUKAN**LAMPIRAN**



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Penerangan Tentang Gaya Pembelajaran Utama	12
2.2 Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1987)	15
2.3 Model Gaya Pembelajaran Canfield (1977)	16
2.4 Model Gaya Pembelajaran Rahil et al (1995)	17





x

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Jadual Skala Lima Mata (Skala Likert)	33
3.2 Bilangan Item Bagi Setiap Kategori Pola Gaya Pembelajaran	34
3.3 Kategori Skala Ordinal Lima Mata	35
3.4 Pengkelasan Tahap Markat Skor Min	36
4.1 Analisis Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Gender	38
4.2 Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Keputusan Peperiksaan PMR	39
4.3 Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Visual	41
4.4 Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Auditori	42
4.5 Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Kinestetik	43
4.6 Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Kecekatan Tangan	45
4.7 Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Berkumpulan	46
4.8 Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Bersendirian	47
4.9 Analisis Gaya Pembelajaran Paling Dominan Bagi Pelajar-Pelajar Tingkatan Empat Di SMK Agama Matang 2, Kuching Sarawak	49





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

SENARAI CARTA

Carta

Muka Surat

4.1	Analisis Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Gender	38
-----	---	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Muka Surat	
PMR	Penilaian Menengah Rendah	3
VAK	Visual, Auditori, Kinestetik	5
LQS	Learning Style Questionnaire	10
LSP	Learning Style Preference	10
SPSS	Statistical Package For Social Science	19
UTM	Universiti Teknologi Mara	20
RASI	Revised Approaches to Studying Inventory	20
OHP	Over Head Projector	24





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Sekolah memainkan peranan yang cukup besar dalam mendidik ke arah memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat utama sesebuah sekolah adalah untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan sosial. Bagi memastikan sekolah melaksanakan tugas ini dengan baik, maka prestasi anak didiknya dijadikan kayu pengukur.

Ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui proses pengajaran dan pembelajaran adalah suatu perkara yang penting kepada semua pelajar sebelum mereka menjakkan kaki ke alam universiti dan kolej. Kebijaksanaan bukan satu elemen yang statik tetapi adalah satu sistem dinamik , terbuka yang sentiasa berkembang sepanjang hayat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Kebanyakan proses pembelajaran yang signifikan adalah daripada apa yang telah kita lakukan iaitu melalui tindakan dan permerhatian.

Pembelajaran tidak hanya berkaitan dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula maklumat yang dipelajari tetapi merupakan aktiviti menguasai konsep dan memahami maklumat pengetahuan dan seterusnya dapat mengaplikasikannya ke dalam kehidupan. (Hargreaves, 1996). Kaedah tersendiri individu mencari, menyimpan dan mengeluarkan semula maklumat dikenali sebagai gaya pembelajaran (Felder dan Henriques, 1995).

Walaubagaimanapun, kemungkinan wujudnya pelajar yang berhadapan dengan konflik belajar apabila tidak memiliki gaya pembelajaran yang sesuai semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Masalah berlaku apabila pelajar tidak dapat disesuaikan dengan aktiviti dan gaya pengajaran guru di sekolah. Kesannya, pelajar menjadi bosan dan tidak menumpukan perhatian; menyebabkan mereka gagal mendapat markah tinggi dalam peperiksaan, kurang berminat pada subjek tertentu dan seterusnya berputus asa. (Baharin Abu, 2000; Felder & Silverman, 1988; Godleski, 1984; Oxford et al., 1991; Smith & Renzulli, 1984).

Kajian oleh Bass dan Greary (1996) pula merumuskan bahawa salah satu cara penentuan kecekapan atau prestasi sesuatu individu mempelajari dan menguasai ilmu adalah dengan menyedari gaya pembelajaran. Gaya pembelajaran yang dimiliki juga dapat membantu seseorang untuk mengenalpasti situasi pembelajaran dan meningkatkan prestasi pembelajaran (Dunn dan Stevenson, 1997).





Pelajar yang mengetahui gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya akan lebih mudah membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Klavas (1994) dalam kajiannya mendapati setelah pelajar diperkenalkan dengan gaya pembelajaran dan menggunakannya telah mendapat keputusan lebih cemerlang.

Oleh itu, kajian mengenai gaya pembelajaran perlu dibuat supaya proses dan prestasi belajar pelajar dapat dipertingkatkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian bermula hasil daripada keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 2013 yang lalu ke atas semua pelajar tingkatan empat bagi tahun 2014.

Ini kerana terdapat sebilangan pelajar yang tidak mencapai gred A dalam salah satu matapelajaran yang diduduki semasa peperiksaan.

Permasalahan kajian ini adalah mengenalpasti gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar. Perbezaan atau variasi seseorang individu dengan norma kumpulan sama ada dalam sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkahlaku, sosial atau bakat sememangnya wujud dalam sesebuah kumpulan. (Santhi Suppiah, 1998; Dunn dan Dunn, 1978). Akibatnya setiap individu pelajar mempunyai kepelbagai dan kecenderungan gaya belajar yang berbeza, strategi belajar yang berbeza, dan kadar pembelajaran yang berlainan. Ada diantara individu ini mempunyai gaya pembelajaran yang dominan, dan ada pula yang menggunakan gaya belajar yang berbeza disesuaikan mengikut persekitaran.





Kepelbagaiannya ini perlu dikenalpasti oleh para guru ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran supaya guru dapat membuat persediaan yang rapi dengan mengambil kira perbezaan latar belakang dan pengetahuan sedia ada pelajar sebelum memulakan pengajaran.

1.3 Pernyataan Masalah

Matlamat utama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2, Kuching, Sarawak adalah untuk menjadi sebuah sekolah yang cemerlang dalam akademik dan membina kesedaran pelajar ke arah penghayatan budaya ilmu yang terancang dan sistematik.

Untuk mencapai matlamat ini, guru perlu memainkan peranan yang utama dalam menyelesaikan masalah akademik dan mengenalpasti corak dan gaya pembelajaran pelajar-pelajarnya. Dengan mengenalpasti masalah ini, guru mampu menyediakan strategi pembelajaran yang sesuai supaya iaanya dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar ini. Hasil daripada kajian ini juga, secara tidak lansung dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan kaedah pengajaran guru itu sendiri.

Permasalahan kajian ini adalah mengenalpasti gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar. Antara punca berlakunya kemerosotan pencapaian akademik para pelajar ini ialah mereka gagal menyesuaikan diri dengan cara pengajaran dan pembelajaran di sekolah, di samping tidak mempunyai gaya pembelajaran yang betul dan sesuai. Akibatnya, ramai pelajar yang kurang berjaya gagal mencapai keputusan cemerlang mengakui diri mereka kekurangan pengetahuan dalam kemahiran belajar





dan mereka juga tidak dapat mencari gaya pembelajaran yang baik dan sesuai dengan diri mereka terutamanya ketika menghadapi peperiksaan.

Model Gaya Pembelajaran (VAK) Barbe (1987), yang di petik dari Cynthia (1996) meneliti gaya belajar dan menghadirkan tiga mod persepsi indera (cara mengingat) yang digunakan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar. Ianya dikenali sebagai kaedah. Kaedah yang lebih mudah dikenalpasti iaitu Visual, Auditori dan Kinestetik (VAK). Model ini seterusnya dijadikan sebagai model panduan kajian dan ditambah dengan gaya pembelajaran utama lain iaitu kecekatan tangan, berkumpulan dan bersendirian dalam mengesan gaya belajar pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2, Kuching, Sarawak.



adakah mereka mengamalkan gaya pembelajaran yang sama?. Apakah gaya pembelajaran yang menonjol (atau dominan) yang diamalkan oleh mereka?.

Oleh yang demikian, kajian telah memilih untuk menggunakan instrument yang telah diubahsuaikan daripada Joy Reid, (1984) untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar tersebut.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat pola gaya pembelajaran VAK, kecekatan tangan, berkumpulan dan bersendirian dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Sekolah





Menengah Kebangsaan agama Matang 2, Kuching, Sarawak. Disamping itu juga, kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Daripada hasil kajian ini juga, penyelidik akan dapat melihat apakah gaya pembelajaran yang dominan bagi pelajar lelaki dan apakah gaya pembelajaran yang dominan bagi pelajar perempuan.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian di atas, maka objektif kajian ini adalah seperti berikut;

1. Mengenalpasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2, Kuching, Sarawak berdasarkan model gaya pembelajaran VAK, (visual, auditori, kinestetik), kecekatan tangan, berkumpulan dan bersendirian.
2. Mengenalpasti gaya pembelajaran dominan tingkatan empat di Sekolah Menengah kebangsaan Agama Matang 2, Kuching, Sarawak.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, maka soalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut.

1. Apakah kepelbagaian gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2 dari segi





visual, auditori, kinestetik (VAK), kecekatan tangan, berkumpulan dan bersendirian?

2. Apakah gaya pembelajaran yang dominan bagi pelajar- pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2?

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini, penyelidik berharap dapat memberi manfaat kepada peningkatan pengajaran dan pembelajaran guru dan pelajar. Hasil kajian ini juga, dijangkakan dapat meningkatkan prestasi pelajar melalui amalan gaya belajar yang betul. Selain daripada itu, di harap kajian ini dapat memberi panduan kepada guru untuk memantapkan lagi pengajaran mereka supaya lebih bersetujuan dengan tahap pembelajaran pelajar. Guru akan dapat memahami kehendak belajar mereka dan menggunakan maklumat kajian ini dalam merancang bahan mengajar bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang bersetujuan dengan gaya dan amalan belajar pelajar.

1.8 Definisi Istilah dan Konsep

Kajian ini menggunakan definisi istilah berdasarkan kepada konsep atau model berikut:





1.8.1 Gaya Pembelajaran

Model Gaya Pembelajaran (VAK), Barbe (1987) digunakan dalam kajian ini. Peneliti gaya belajar, Barbe (1987) yang di petik oleh Cyntia (1996) menghadirkan tiga mod persepsi indera (cara mengingat) yang digunakan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar. Ini di sebut sebagai modalitas. Modalitas yang paling mudah dikenalpasti ialah visual, auditori dan kinestetik (VAK). Antara gaya pembelajaran yang lain yang digunakan untuk kajian ini ialah kecekatan tangan, gaya belajar bersendirian dan berkumpulan.

1.9 Skop dan Batasan Kajian



Kajian berhubung dengan gaya pembelajaran dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar tingkatan empat di SMKA matang 2, Kuching, Sarawak terbatas kepada beberapa perkara:

- Sampel kajian adalah terbatas kepada pelajar tingkatan empat sahaja sebagai kajian.

Pertama, kajian ini hanya melibatkan responen pelajar tingkatan empat sahaja dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2 (sekolah berasrama). Pemilihan sample dibuat berdasarkan pelajar ini telah mengikuti Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang merupakan satu ujian yang piawai.





Kedua, methodologi kajian ini mempunyai kekurangan berbanding gabungan penggunaan kaedah dan instrument yang lain. Kajian ini menggunakan rekabentuk tinjauan dan hanya menggunakan soal selidik berpandukan kepada Model Gaya Pembelajaran VAK, kecekatan tangan, berkumpulan dan gaya pembelajaran bersendirian. Instrument soal selidik tersebut diubahsuaikan daripada Joy Reid, (1984) untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar tersebut.

1.10 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan masalah kajian yang melibatkan responden dari pelajar tingkatan empat yang telah menduduki peperiksaan awam (PMR) bagi tahun 2013 yang lalu.

